# الوحدة الأولى : نبذة عن البلاغة

## UNIT PERTAMA: CEBISAN RINGKAS TENTANG ILMU BALAGHAH

## الدرس الثالث : علم المعاني

## PELAJARAN KETIGA :ILMU MA'ANI

| | |
|---|---|
| 1. **TAKRIF ILMU MA'ANI**<br>- Merupakan usul dan kaedah-kaedah untuk mengetahui cara mengungkapkan ucapan/kata-kata bersesuaian dengan situasi dan konteks keadaan.<br><br>**Huraian takrif**: Dalam takrif ada 2 rukun asas iaitu:<br>1) Keadaan/situasi<br>2) Konteks/ keperluan keadaan<br><br>1) **Keadaan/situasi**: Merupakan situasi dan faktor pendorong yang mendatangkan ucapan tersebut, boleh jadi satu ucapan itu akan membawa makna yang berbeza mengikut situasi. Contohnya: seorang suami memasuki rumahnya dan melihat isterinya dalam keadaan yang paling cantik, maka dia berkata dalam keadaan tersenyum dan bahagia (Apakah kecantikan ini? / Alangkah cantiknya!). Pada waktu yang lain pula, suami yang sama memasuki rumahnya dan dia lihat isterinya dalam keadaan yang | **١. تعريف علم المعاني**<br>– هو أصول و قواعد يُعرف بها كيفية مطابقة الكلام لمقتضى الحال.<br><br>**شرح التعريف**: في التعريف ركنان أساسيان: ( الحال – مقتضى الحال).<br><br>**الحال**: هو الظروف والدواعي التي يورد الكلام فيها، فمن الممكن أن يكون الكلام واحدا، ولكن الظروف تجعل المعنى مختلفا كأن يدخل زوجٌ البيت على زوجته فيراها أجمل ما تكون، فيقول مبتسما سعيدا (ما هذا الجمال؟)، ويدخل الزوج نفسه منزله في وقت آخر فيرى زوجته غير مهندمة، وملابسها غير مرتبة فيقول لها (ما هذا الجمال؟ ) فالعبارة واحدة، ولكن معناها مختلف |

| | |
|---|---|
| tidak rapi, dan pakaiannya tidak kemas maka dia berkata kepada isterinya (Apakah kecantikan ini? / Alangkah cantiknya!). Maka ungkapan yang sama, tapi membawa maksud yang berbeza seratus peratus. Ungkapan pertama merupakan ucapan berdasarkan realitinya. Dan pada ungkapan yang kedua, si suami menyindir/memerli isterinya; kerana ungkapan tidak dikatakan keluar daripada situasi yang berkaitan dengannya. | تماما، ففي العبارة الأولى اللفظ على حقيقته، وفي الثاني هو يسخر منها؛ لأن العبارة لا تقال خارجة عن الظروف المحيطة بها. |
| 2) **Konteks/situasi keadaan**: Meupakan rukun kedua dalam takrif, secara ringkasnya perincian2 yang terdapat dalam gabungan ayat telah datang dalam ucapan sebagai jawapan kepada penyebab keadaan itu. Maka anda perlu mengeluarkan ucapan yang diiringi dengan kata sumpah (qosam) apabila lawan bicara tidak mempercayai ucapan anda. Maka anda berkata: Demi Allah apa yang aku katakan adalah benar, maka kata sumpah (qosam) itu telah datang sebagai jawapan kepada situasi tersebut. Dan ilmu ma'ani melatih orang yang mempelajarinya agar mengucapkan sesuatu ucapan bersesuaian dengan konteks/situasi keadaan, sebagaimana ia melatih dalam mengembangkan gaya bahasa yang memelihara dan menjaga konteks keadaan. | **مقتضى الحال**: هو الركن الثاني في التعريف، وهو باختصار ما يوجد في التركيب من خصوصيات جاءت في الكلام استجابة لدواعي الحال، فأنت تورد الكلام مصحوبا بالقسم إذا كان المخاطب غير مصدق لكلامك فتقول :والله ما أقول إلا حقا، فالقسم جاء استجابة للموقف. وعلم المعاني يدرب دارسه على الوقوف على مطابقة الكلام لمقتضى الحال، كما يدربه على إنشاء أساليب يراعي فيها مقتضى الحال. |

| | |
|---|---|
| 2. **TOPIK/TAJUK ILMU MA'ANI**<br>- Topik ilmu ma'ani merupakan lafaz bahasa Arab dari aspek pemanfaatan makna2 pada detik/saat itu yang merupakan tujuan yang dimaksudkan oleh orang yang berbicara drpd menjadikan kata2 itu dilengkapi dengan kehalusan2 dan perincian2 yang bertepatan dengan situasi dan konteks keadaan.<br>- Maka ilmu ma'ani membolehkan orang yang mempelajarinya mengetahui kaedah2 dan peraturan2nya dari aspek penggunaan keadaan2 yang berlaku ke atas lafaz bahasa Arab secara zahir dan tersembunyi, buang dan sebut, nakirah dan makrifah, taqdim dan ta'khir, fasol dan wasol, ijaz dan ithnab dan sebagainya pada tempat2 yang bersesuaian dengannya, dan pada keadaan yang diperlukan dan situasi yang bertepatan.<br>- Dan dimaksudkan dengan lafaz bahasa Arab ialah topik/tajuk ilmu ma'ani yang umum, dan bukanlah satu lafaz atau satu perkataan sahaja, akan tetapi ia merangkumi ayat2, ayat dan sebahagian ayat. | **٢. موضوع علم المعاني**<br>- موضوع علم المعاني هو اللفظ العربي من حيث إفادته المعاني الثواني التي هي الأغراض المقصودة للمتكلم من جعل الكلام مشتملًا على تلك اللطائف والخصوصيات التي بها يُطابق مقتضى الحال.<br>- فعلم المعاني يُمَكِّنُ دارسَه من خلال معرفة قواعده وقوانينه من استخدام الأحوال التي تطرأ على اللفظ العربي إظهارًا وإضمارًا، وحذفًا وذكرًا، وتنكيرًا وتعريفًا، وتقديمًا وتأخيرًا، وفصلً ووصلً وإيجازًا وإطنابًا وغير ذلك في الموطن الذي يتلاءم معه، وفي الحال الذي يستدعيه، والمقام الذي يقتضيه.<br>- والمراد باللفظ العربي الذي هو موضوع علم المعاني العموم، وليس المقصود به اللفظ الواحد أو الكلمة الواحدة، فهو يشمل الجمل، والجملة، وأجزاء الجملة. |
| 3. **PENGASAS ILMU MA'ANI**<br>- Ulamak Balaghah bersilih ganti dalam **meletakkan benih** (**asas**) **ilmu ma'ani**, kemudian ia mula tumbuh dan berkembang pesat, sehingga masak ranum dan menghasilkan buah yang terbaik, dan **hampir sampai kepada bentuknya yang terakhir oleh satu-satunya imam Sheikh Abdul Qahir Al-Jurjani** (wafat 471H), dalam kitabnya Dala-il I'jaz (Bukti2 Kemukjizatan). | **٣. واضع علم المعاني:**<br>- تناوب علماء البلاغة وضعَ بذور علم المعاني، ثم نما وترعرع، حتى أينع بأطايب الثمر، و**وصل إلى صورته شبه النهائية على يد الإمام الفذ الشيخ عبد القاهر الجرجاني**( ت ٤٧١ هـ)، في كتابه دلائل الإعجاز. |

| | |
|---|---|
| - Dan **sempurna kaedah2 ilmu ma'ani kecuali sangat sedikit oleh Imam As-Sakkaki** (wafat 626H) dalam kitabnya Miftahul 'Ulum (Kunci Segala Ilmu), yang mana beliau mengungkapkan apa yang disebut oleh Imam Abdul Qahir Al-Jurjani dan yang lain dalam kaedah2 berkanun (peraturan) dan batasan2 yang telah ditetapkan. Kemudian datang **Khatib Al-Qazwini** (wafat 739H) maka **dia telah meletakkan sentuhan akhir bagi ilmu ini di dalam dua kitabnya**:<br>Pertama: Kitab At-Talkhis (Ringkasan) yang meringkaskan kitab Miftahul 'Ulum oleh As-Sakkaki.<br>Kedua: Kitab Al-Idhoh (Yang Menjelaskan) yang menerangkan beberapa tempat yang mempunyai kesamaran yang sangat ringkas di dalam kitabnya At-Talkhis. Ulamak2 Balaghah selepas Al-Qazwini tidak menambah sesuatu yang baru ke atas kaedah2 yang ditetapkannya melainkan penerangan dan penjelasan.<br>- Beginilah, dan ulamak2 Balaghah mengambil semua kaedah2 ilmu ma'ani drpd Al-Quran, hadis Nabi dan kata2 orang Arab di dalam syair dan prosa. Ia merupakan kaedah yang diambil drpd tabiat lidah orang Arab yang mulia yang telah dikhususkan oleh Allah dan diturunkan dengannya mukjizat Balaghah yang kekal iaitu Al-Quran. Dengan ini, kaedah2 ini telah datang berkesinambungan dengan tabiat lidah orang Arab, serentak dengan bahasa yang mulia ini. | - **واكتملت قواعد علم المعاني إلا قليلًا جدًا على يد الإمام السكاكي**( ت ٦٢٦ هـ )في كتابه مفتاح العلوم، حيث صاغ ما ذكره الإمام عبد القاهر وغيره في قواعد مقننة وحدود محددة، ثم جاء **الخطيب القزويني** (ت ٧٣٩ هـ) **فوضع اللمسات النهائية والأخيرة لهذا العلم** في كتابين:<br>•**الأول** : التلخيص الذي لخّص فيه مفتاح العلوم للسكاكي.<br>•**والثاني** : الإيضاح الذي أوضح فيه بعض المواطن الغامضة ذات الاختصار الشديد في كتابه التلخيص، ولم يضف علماء البلاغة بعد القزويني شيئا جديدا على القواعد التي استقرت لديه إلا الشرح والتوضيح.<br><br>- هذا، وقواعد علم المعاني كلها استمدها علماء البلاغة من القرآن الكريم والحديث النبوي الشريف، وكلام العرب شعرا ونثرا، فهي قواعد مستمدة من طبيعة هذا اللسان العربي الشريف الذي اختصه رب العالمين وأنزل به المعجزة البلاغية الخالدة القرآن الكريم، ولهذا فإن هذه القواعد جاءت منسجمة مع طبيعة هذا اللسان، متناغمة مع هذه اللغة الشريفة المكرمة. |

<table>
<tr>
<td>

**4. FAEDAH2 ILMU MA'ANI:**

Ilmu Ma'ani mempunyai banyak faedah, antaranya:

1. Mengetahui kemukjizatan Al-Quran dari aspek yang dikhususkan Allah dari segi kualiti koheren dan gambaran yang indah, kemahiran kaedah susunan dan ringkasan yang terperinci, dilengkapi susunan yang mudah, perkataan2 yang mantap, lafaz2 yang indah dan keselamatannya kpd selain itu dari aspek keindahannya yg menahan orang Arab drpd kebangkitan dan bercambah pemikiran2 mereka di hadapan kefasihan dan kebalaghahan mereka.
2. Mengetahui keindahan kata2 manusia dan kata2 yang dicela.
3. Penugasan/penggunaan kaedah2 ilmu ma'ani, dan kaedah2 yang pelbagai dalam mengungkapkan tema2 yang pelbagai dengan gaya2 bahasa yang bersesuaian dengan konteks dan situasi keadaan.

</td>
<td dir="rtl">

**٤. فوائد علم المعاني:**

لعلم المعاني فوائد كثيرة منها:

١. معرفة إعجاز القرآن الكريم من جهة ما خصه الله به من جودة السبك وحسن الوصف، وبراعة التراكيب ولطف الإيجاز وما اشتمل عليه من سهولة التركيب وجزالة كلماته وعذوبة ألفاظه وسلامتها إلى غير ذلك من محاسنه التي أقعدت العرب عن مناهضته وحارت عقولهم أمام فصاحته وبلاغته.

٢. معرفة ما يستحسن من كلام البشر وما يستهجن منه.

٣. توظيف قواعد علم المعاني، وأصوله المختلفة في التعبير عن الأغراض المتنوعة بأساليب تتطابق مع مقتضى الحال.

</td>
</tr>
<tr>
<td>

**5. BAB2 ILMU MA'ANI:**

Bab 1: Al-Isnad Khobari<br>
Bab 2, 3 & 4: Ahwal Musnad Ilaih & Musnad & Mu'allaqotul Fi'li<br>
Bab 5: Qosru<br>
Bab 6: Insyak<br>
Bab 7: Fasol & Wasol<br>
Bab 8: Ijaz & Ithnab

</td>
<td dir="rtl">

**٥. أبواب علم المعاني:**

الباب الأول: الإسناد الخبري<br>
الباب الثاني والثالث والرابع: أحوال المسند إليه والمسند ومعلقات الفعل<br>
الباب الخامس: القصر<br>
الباب السادس: الإنشاء<br>
الباب السابع: الفصل والوصل<br>
الباب الثامن: الإيجاز والإطناب

</td>
</tr>
</table>